


# REVOLUSI BAHASA DAN **ASAS DAN TAMADUN**

HURAIAN LENGKAP SECARA ANALITIS DAN KRITIS

Menelusuri Perkembangan Bahasa Semitik  
dan Susur Galur Peradaban Manusia  
dari Zaman Nabi Adam a.s.  
hingga Zaman Para Sahabat



SOLEHAH YAACOB



Cetakan Pertama 2020  
Cetakan Kedua 2022  
Cetakan Ketiga 2023  
Cetakan Keempat 2023  
© Solehah Yaacob 2020

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Solehah Yaacob

REVOLUSI BAHASA DAN ASAS TAMADUN / SOLEHAH YAACOB.

Mengandungi indeks

Bibliografi: hlm. 363

ISBN 978-983-49-2330-3

1. Language and languages.
2. Civilization--History.
3. Civilization, Ancient.
4. World history.
5. Government publications--Malaysia.

I. Judul.

400

Dicetak oleh  
Irja Printing Solutions,  
No. 8-1, Jalan Brunei Utara Off Jalan Pudu,  
55100 Kuala Lumpur.



# KANDUNGAN

<i>Senarai Peta</i>	xi
<i>Senarai Foto</i>	xiii
<i>Senarai Jadual</i>	xvii
<i>Kata Pengantar</i>	xix
<i>Prakata</i>	xxv
<i>Pengenalan</i>	xxix
<i>Penghargaan</i>	xxxv
<b>Bab 1 Bahasa dan Penciptaan Awal Manusia</b>	<b>1</b>
Takrifan Bahasa	1
Bahasa Arab Bahasa Syurga	5
Pembuktian Bahasa: Perbezaan Homo Erectus dengan Homo Sapiens	11
Pendedahan Anatomi: Bukti Penerimaan Bahasa	15
Kejadian Manusia dalam Ayat al-Quran	19
Genealogi Arab-Proto yang Diubah	33
Revolusi Bahasa	36

Kronologi Ummah Sebelum Hijrah	
Pengembaraan Anak-anak Nabi Nuh a.s.	
Sesudah Banjir Besar	
Kerajaan Purba Lagash, Kish dan Ur Sesudah	
Banjir Besar	
Kesimpulan	

## Bab 2 Batu Bersurat Pertama Dunia

Ezikel Gilgamesh dan Penulisan Mismariyyah	
Ketepatan Penterjemahan Bahasa Akkadi ke	
dalam Bahasa Inggeris	
Orang-orang Sumeria	8
Perbezaan antara Bahasa Sumeri dengan	8
Bahasa Akkadi	8
Bahasa Kod Hammurabi	94

## Bab 3 Kerajaan Terawal dan Bahasa Para Nabi

Nabi Hud a.s. dan Kaumnya	98
Kaum Thamud	115
Kaum ‘Ad dan Thamud Bangsa Arab Baidah	121
Bahasa Kan’an dan Bahasa Phoenician	127
Bahasa Akkadi: Bahasa Arab-Proto	136
Perbezaan antara Kisah Kaum Nabi Lut a.s.	149
dengan Kaum Sadom dan Pompeii	
Pompeii	153
Takrif Bangsa Arab, Israel, Ibrani dan Yahudi	157
Kerajaan Aram dan Bahasa Aramaik	161
Bahasa Kaum Jurhum atau Arab Fushah	165
Bahasa Aramaik sebagai Bahasa Pertuturan	177
Nabi Ishak	
Israel – Bahasa Aramaik	181
Bahasa Kan’an, Phonecian dan Penulisan Hieroglif	186
Book of Job	200
Ahli Pidato dalam Kalangan Para Nabi	202
Kritikan Orientalis terhadap Ketuanan	204
Semenanjung Tanah Arab dan Bahasa Arab	

## Kandungan

<b>Bab 4 Bahasa Nabi Musa a.s.</b>	208
Kelahiran Nabi Musa a.s., Tamadun Greek dan Kod Hammurabi	208
Taurat Sebenar: Kesan Taurat terhadap Sejarah dan Bahasa	220
Sejarah Kenabian Para Anbia	226
Bahasa Aramaik dan Bahasa Arab: Kerajaan Nabi Sulaiman a.s.	232
Pertelingkahan Asal Usul Nama Kaum Arab	239
Bangsa Arab yang Asal (Arab-Proto)	242
<b>Bab 5 Permulaan Tahun Masihi</b>	246
Bahasa Aramaik dan Bahasa Arab	246
Bahasa Nabaten	261
Injil Barnabas Tidak Diiktiraf oleh Gereja Rom	266
Kerajaan Kecil di Semenanjung Tanah Arab: Berbahasa Arab	279
Asal Usul Bangsa Arab	285
Perbezaan antara Bahasa Arab dengan Bahasa Akkadi-Babylon	293
Persamaan Bahasa Arab dan Bahasa Assyria	296
<b>Bab 6 Bahasa Batu Bersurat dan Bentuk Penulisan</b>	302
Batu Bersurat Kuno	302
Bahasa Semitik atau Bahasa Jazirah?	310
Kalimah Allah	321
Nabi Muhammad SAW Berbangsa Arab	333
Pandangan Tokoh Dunia terhadap Keperibadian Nabi Muhammad SAW	340
Pengumpulan al-Quran dan Hadis	348
Perkembangan Tulisan Arab Fushah oleh Tabi' Tabiin	355
Kesimpulan	358
<i>Bibliografi</i>	363
<i>Indeks</i>	381



## **SENARAI PETA**

<b>Peta 1.1</b>	Tamadun China bermula daripada Dinasti Shang 1500 Sebelum Masihi – 1027 Sebelum Masihi.	43
<b>Peta 1.2</b>	Empayar Lugalzagesi, wilayah Umma sekitar 2350 Sebelum Masihi.	44
<b>Peta 1.3</b>	Kerajaan purba terawal sebelum dan selepas banjir besar Nabi Nuh a.s..	44
<b>Peta 1.4</b>	Asal bangsa Semitik.	48
<b>Peta 1.5</b>	Bentuk muka bumi terawal Akkad, Babylon, Sumer, Nippur, Uruk, Eridu, Larsa dan Kish.	49
<b>Peta 1.6</b>	Kerajaan utama sekitar Mesopotamia pada awal tahun 2500 Sebelum Masihi.	50
<b>Peta 1.7</b>	Kekuasaan empayar Assyria pada pertengahan tahun 800 Sebelum Masihi sehingga pertengahan tahun 600 Masihi.	52
<b>Peta 1.8</b>	Kerajaan yang wujud di Mesopotamia sekitar tahun 1200 Sebelum Masihi.	52

# SENARAI FOTO

<b>Foto 1.1</b>	Tamadun Olmec, Mexico, tahun 1800 Sebelum Masihi.	42
<b>Foto 1.2</b>	Corak sistem simbol penulisan Olmec dan Dinasti Shang yang hampir sama.	43
<b>Foto 1.3</b>	Lakaran contoh petempatan awal Mesopotamia.	51
<b>Foto 1.4</b>	Replika binatang lambang kekuasaan empayar Assyria.	53
<b>Foto 1.5</b>	Gambaran pelukis tentang masyarakat awal yang mendiami Mesopotamia.	53
<b>Foto 1.6</b>	Penghijrahan untuk mencari tempat yang baharu	58
<b>Foto 1.7</b>	Replika kepala Raja Akkad Sargon, pemerintah Kerajaan Akkad di Babylon sekitar 2300 Sebelum Masihi.	62
<b>Foto 1.8</b>	Kod Hammurabi dari sisi belakang.	65
<b>Foto 2.1</b>	Sebahagian daripada kepingan tulisan paku atau Mismariyyah epik <i>Gilgamesh</i> yang dirakam dari jarak dekat.	69



## PENGENALAN

Hakikatnya, perbincangan bahasa purba di kawasan Mesopotamia masih lagi kurang diberikan pendedahan. Dunia Islam terlalu kurang mengkaji sejarah sebelum kelahiran Nabi Muhammad SAW. Kebanyakan sarjana dari dunia Islam lebih berfokus pada sejarah Islam sesudah kewafatan Nabi Muhammad SAW, walhal maklumat asas tentang Islam sudah wujud sejak zaman sebelum kelahiran Nabi Muhammad SAW. Akibatnya, tersedia ruang dan peluang yang besar kepada sarjana bukan Islam untuk meneroka sejarah zaman para anbia yang sepatutnya diketuai oleh sarjana dari dunia Islam. Kajian yang bersifat saintifik perlu dilakukan terhadap bahasa, politik, sosial dan masyarakat pada zaman itu. Penulis melihat kajian agama tanpa disusuli kajian sejarah dan perkembangan hidup manusia tidak dapat dijadikan hujah yang kuat dalam dunia akademik. Oleh itu, buku ini cuba menyingkap beberapa isu yang dirasakan amat penting untuk diteroka. Isu bahasa dan revolusinya merupakan asas perbincangan buku ini. Bahagian permulaan buku ini agak berat kerana pembaca disajikan dengan hasil kajian tentang batu bersurat epik *Gilgamesh* yang tidak diiktiraf oleh Barat sebagai penulisan tertua yang dijumpai di Mesopotamia bertarikh tahun

## Bahasa dan Penciptaan Awal Manusia

menumpahkan darah juga! Penggunaan hamzah (ا) menafikan perkara sama yang akan berlaku kepada makhluk yang baharu. Bagi memperkuat lagi maksud penggunaan hamzah (ا) dalam laras bahasa pertanyaan, contoh selain *Surah al-A'raf*, ayat 28 (أَتَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ) juga memberikan maksud yang sama, iaitu pertanyaan yang menafikan keadaan atau dalam bahasa mudahnya digelar sebagai “pertanyaan memerli”. Ibn Hajib (1986) dalam kitabnya *Al-Idhah fi Sharh al-Mufassal li Zamakhshari* menegaskan lagi bahawa penggunaan *hal* (هل) tidak sesuai pada ketika ini kerana perkataan itu membawa makna قد yang menunjukkan sudah berlaku atau pasti sudah berlaku. Contoh selain al-Quran (هل زَيْدٌ ضَرَبَ) yang sama maksudnya (قد زَيْدٌ ضَرَبَ) yang bermaksud telah berlaku perbuatan memukul Zaid, iaitu “sesungguhnya kamu telah memukul Zaid”. Oleh itu, penggunaan hamzah (ا) tepat kerana perkataan itu bukan bermaksud untuk bersetuju dengan apa-apa yang telah berlaku tetapi menafikan *isbaat* yang telah berlaku.

Persoalannya, bagaimanakah ayat ini diturunkan? Adakah melalui Jibrail seperti dalam *Surah al-Baqarah*, ayat 30, iaitu إِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً. Mengikut pandangan Ahli Sunah Waljamaah, ayat ini ditujukan terus kepada Rasulullah SAW, iaitu dengan maksud, “Dan ingatlah hai Muhammad! ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”. Namun begitu, Ibn Kathir berpendapat bahawa itu bermaksud banyak atau jamak, iaitu خلاف. Berdasarkan ayat tersebut bolehlah dibuat rumusan bahawa ayat ini diturunkan terus kepada Nabi Muhammad SAW tanpa wakil atau kemungkinan melalui malaikat. Perkara ini dikaitkan dengan hadis Rasulullah SAW, Hadith Bukhari:

صحيح البخاري (6/1)

2 - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ، قَالَ: أَخْبَرَنَا مَالِكٌ، عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ عَائِشَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، أَنَّ الْحَارِثَ بْنَ هِشَامٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ

## Batu Bersurat Pertama Dunia

bahasa Arab bersama-sama teman saya Tuan Bashir Francis, seorang penyelia am di Jabatan Arkeologi Awam. Kami telah menerbitkannya dalam majalah *Sumar* pada tahun 1950. Kedua-dua terjemahan itu berpandukan terjemahan Inggeris yang merupakan terjemahan terkini pada waktu itu. Boleh dikatakan terjemahan kami itu berbentuk agak literal kerana terikat dengan terjemahan Inggeris ayat demi ayat dan baris demi baris. Kesuntukan masa menyebabkan perbandingan dengan teks asal tidak dapat dilakukan melainkan pada beberapa tempat. Waktu juga tidak mengizinkan untuk menerbitkannya walaupun kisahnya ada kesinambungan. Semenjak tarikh itu, muncul pula banyak terjemahan lain berserta tulisan dan juga kajian tentang epik *Gilgamesh*. Saya pula diberikan kesempatan waktu yang mencukupi untuk melihat semula teks asal Akkadi dan membanding-bandingkannya dengan terjemahan yang pelbagai itu. Saya juga mendapat peluang mengajar teks batu bersurat ini kepada pelajar Jabatan Arkeologi di Fakulti Sastera semenjak tahun 1952. Saya mula meminjam daripada Fakulti beberapa teks bahasa tersebut untuk latihan para pelajar. Disebabkan terkumpulnya bahan, akhirnya saya mempunyai bahan yang mencukupi untuk menterjemahkan semula epik *Gilgamesh* ke dalam bahasa Arab. Secara perlahan-lahan, akhirnya idea telah membawa hasil. Tibalah masanya untuk mengeluarkan terjemahan ini ke ruang kerja penerbitan semenjak sekian lama berlalunya cadangan sahabat saya Dr. Akram Fadhil agar saya menyerahkannya kepada Kementerian Penerangan supaya terjemahan ini diterbitkan di bawah siri Kebudayaan Rakyat yang diterbitkan oleh pihak kementerian. Saya pula berfikiran agar terjemahan ini diterbitkan di bawah jurnal Jabatan Arkeologi Awam. Walau bagaimanapun, saya memilih cara penerbitan yang pertama kerana melihat pada keupayaan Kementerian Penerangan yang dapat menyediakan dana bagi menjamin penyebarannya yang lebih meluas dan manfaatnya melata dalam pelbagai bidang.

Taha Baqir juga berpendapat bahawa walaupun terdapat beberapa terjemahan tentang catatan epik *Gilgamesh* yang

# REVOLUSI BAHASA DAN ASAS DAN TAMADUN



Buku ini memperlihatkan perkembangan sejarah bahasa dalam tamadun awal manusia menerusi bukti sejarah yang ditinggalkan seperti batu bersurat epik *Gilgamesh* yang berusia sekitar 4000 tahun Sebelum Masihi. Menerusi bukti tersebut dapat dikesan penggunaan bahasa Mesopotamia terawal, iaitu bahasa Akkadia yang ditulis dalam tulisan paku (*Mismariyyah*). Melalui penulisan yang terdapat pada batu bersurat tersebut, difahami bahawa bahasa dan tulisan mengalami proses evolusi sehingga lahirnya bahasa al-Quran (bahasa Arab) dan dikenal pasti tamadun bangsanya. Kemunculan para nabi sebelum kelahiran Nabi Muhammad SAW membuktikan kebenaran agama tauhid Allah SWT menerusi suhuf Ibrahim, Zabur, Taurat, dan Injil. Namun, kitab-kitab ini telah diselewengkan oleh bangsa Yahudi dan Nasrani. Bible yang mengandungi *Perjanjian Lama* dan *Perjanjian Baharu* dipercayai bukannya kata-kata Tuhan tetapi merupakan hasil penulisan manusia yang bercanggah antara satu dengan yang lain. Dengan kata lain, buku ini cuba membongkar maklumat silam tentang asal usul bahasa al-Quran, iaitu bahasa Arab Fushah yang berkait rapat dengan tamadun bangsanya.



Profesor Dr. Solehah Yaacob merupakan pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam bidang Falsafah Tatabahasa Arab. Beliau banyak membentangkan kertas kerja di pelbagai negara seperti Turki, Iran, Mesir, Amerika Syarikat, Jordan, Dubai, Brunei dan Arab Saudi. Beliau turut menerima beberapa anugerah akademik pada peringkat antarabangsa seperti kertas kerja terbaik di Tehran (2008) dan Turki (2009), serta dianugerahi "Distinguished Women in Humanities and Social Sciences in Arabic Literature" oleh Venus International Foundation India. Selain itu, beliau turut dilantik sebagai rakan penyelidik untuk sesi wawancara projek "Tamadun Purba dari Perspektif Islam" oleh Pusat Penyelidikan Timur Tengah, Mediterranean (INALCO) Paris, Middle East Monitor (MEMO) London, dan Universiti Jordan pada November dan Disember 2017. Selain itu, hasil kajian buku ini turut diterbitkan dalam bentuk dokumentari bertajuk "Qamus" dan "After Adam".

RM65.00

ISBN 978-983-49-2330-3



9 789834 923303

